

21 JUL 1999

Perwaja-Anwar

ANWAR BUAT ADUAN POLIS KES PERWAJA, KAITKAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini membuat aduan polis mengenai kumpulan Perwaja yang didakwa mengalami kerugian RM2,985 juta setakat Disember 1995 dan turut mengaitkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam laporan itu.

Aduan polis itu dibuat di lokap mahkamah dan didaftarkan di Balai Polis Tun H.S Lee pada 2 petang ini.

Anwar mahu siasatan rapi dijalankan kerana, menurutnya kerugian akibat pelaksanaan projek mega itu sangat besar dan rakyat berhak menentukan kebenarannya berdasarkan penyiasatan.

Dalam aduan itu, yang salinannya diedarkan kepada pemberita di mahkamah yang sedang membicarakannya terhadap kes liwat, Anwar berkata dia merujuk kepada laporan awal juruaudit Price Waterhouse mengenai status kumpulan Perwaja pada Jun 1996, yang mendapati Perwaja dalam keadaan nazak dan memerlukan suntikan modal besar daripada kerajaan.

"Ini terpaksa dilakukan kerana percubaan bagi mendapatkan maklumat terperinci pihak pengurusan Perwaja ketika itu, khasnya Pengarah Urusan Tan Sri Eric Chia tidak berhasil," katanya.

Dalam aduan itu, Anwar mendakwa bahawa Chia berulang kali menyatakan bahawa tindakannya adalah dengan restu dan arahan Dr Mahathir.

"Ini dibuktikan berdasarkan surat kelulusan projek dan kontrak yang ditandatangani oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri. Dengan mandat sedemikian, Lembaga Pengarah telah diketepikan, urusan tender tidak dijalankan dan terdapat bayaran yang meragukan," katanya.

Antara beberapa perkara yang dinyatakan dalam aduan sembilan perkara itu ialah:

- * Berdasarkan akaun pengurusan pada 31 Dis. 1995, Perwaja telah kehabisan modal kerja dan tanggungan semasa dan jangka panjangnya berjumlah RM6,939 juta.

- * Pendedahan kewangan Kementerian Kewangan dalam Perwaja pada 31 Mac 1996 ialah RM5,517 juta.

- * Jumlah kerugian pada 31 Dis 1995 ialah RM2,985 juta.

-- BERNAMA

MNY AHH MAI